

17/09/2001

ATM dapatkan laporan rasmi dakwaan Osama di Filipina

KOTA KINABALU, Ahad - Angkatan Tentera Malaysia (ATM) akan mendapatkan laporan rasmi daripada pihak keselamatan Filipina berhubung dakwaan kemungkinan jutawan keturunan Arab Saudi, Osama Laden, melarikan diri dari Afghanistan ke selatan Filipina untuk bersembunyi.

Panglima 1 Divisyen, Mej Jen Datuk Mohd Azumi Mohamed, berkata setakat ini, perkara berkenaan hanya spekulasi dan belum ada maklumat rasmi diterima.

"Kami akan berusaha mendapatkan pengesahan pihak keselamatan Filipina berhubung dakwaan berkaitan Osama itu," katanya selepas menerima tabik hormat perbarisan sempena Hari Ulangtahun ATM Ke-68 di Kem Lok Kawi di sini, hari ini.

Seramai 21 pegawai dan 280 anggota menyertai perbarisan berkenaan. Hadir sama Panglima 5 Briged, Brig Jen Muhamad Yassin Yahya.

Mohd Azumi berkata demikian sebagai mengulas laporan agensi berita yang memetik kenyataan Naib Presiden Pertahanan Negara Senat Filipina, Rodolfo Biazon, mendakwa kemungkinan Osama melarikan diri ke selatan Filipina, bagi mengelakkan serangan Amerika Syarikat di Afghanistan.

Biazon yang juga bekas Panglima Tentera Darat Filipina, berkata ini kerana Osama mempunyai hubungan rapat dengan kumpulan bersenjata di Mindanao, selatan Filipina.

Amerika Syarikat sebelum ini menuduh Osama mendalangi serangan terhadap bangunan berkembar Pusat Dagangan Dunia (WTC) di New York dan Pentagon di Washington, Selasa lalu, dan berikrar membalas dendam terhadap perbuatan itu.

Mohd Azumi berkata, tentera Malaysia dan Filipina mempunyai hubungan erat dan sentiasa bekerjasama dalam mempertingkatkan kawalan keselamatan membabitkan sempadan kedua-dua negara.

Katanya, ATM sentiasa mendukung dasar kerajaan dan mesej yang disampaikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bahawa Malaysia tidak akan melindungi mana-mana pihak atau kumpulan yang dianggap pengganas atau militan.

"Ketika ini, pasukan tentera sentiasa dalam keadaan bersiap sedia mengawasi perairan antata Sabah dan selatan Filipina," katanya.

(END)